

Pekerja, majikan perlu sepakat: PM

B.H. 6 MARI 1993

Oleh Manja Ismail

KUALA LUMPUR, Jumaat — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menegaskan kerajaan akan sentiasa bertindak adil dalam menyelesaikan pertikaian di antara majikan dan pekerja.

Sambil memberi jaminan kerajaan akan melindungi kepentingan pekerja dan menentukan majikan sentiasa berlaku adil terhadap mereka, beliau berkata kerajaan juga bertanggungjawab memastikan kepentingan majikan dihormati oleh pekerja.

"Majikan tidak boleh meraih keuntungan tanpa pekerja dan pekerja pula tidak akan dapat peker-

jaan tanpa majikan," katanya dalam perutusan sempena Hari Pekerja, esok.

Menurut Dr Mahathir, cara paling baik bagi menyelesaikan masalah di antara pekerja dan majikan ialah melalui rundingan dengan kedua-dua pihak sanggup bertolak ansur.

Sehubungan dengan itu, katanya, berkonfrontasi bukanlah cara dan budaya rakyat negara ini untuk menyelesaikan masalah kerana ia hanya akan mengeruhkan lagi suasana dan keadaan.

Perdana Menteri berkata, pekerja Malaysia adalah antara yang bernasib baik di dunia dan seharusnya bersyukur kerana negara tidak menghadapi masalah

nomi mereka juga turut terjejas. Pengangguran meningkat sehingga dua puluh peratus dan ramai yang tidak berumah.

"Apabila ini berlaku adalah sukar bagi negara-negara ini memulihkan ekonomi mereka. Inilah sebabnya kita selalu mengingatkan pekerja kita supaya berhati-hati dan mengambil kira kepentingan umum dalam membuat sebarang tindakan perusahaan," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, pekerja Malaysia adalah antara yang bernasib baik di dunia dan seharusnya bersyukur kerana negara tidak menghadapi masalah

jaan tanpa majikan," katanya dalam perutusan sempena Hari Pekerja, esok.

Menurut Dr Mahathir, cara paling baik bagi menyelesaikan masalah di antara pekerja dan majikan ialah melalui rundingan dengan kedua-dua pihak sanggup bertolak ansur.

Sehubungan dengan itu, katanya, berkonfrontasi bukanlah cara dan budaya rakyat negara ini untuk menyelesaikan masalah kerana ia hanya akan mengeruhkan lagi suasana dan keadaan.

Perdana Menteri berkata, pekerja harus sedar bahawa bagi Malaysia terus maju dan menikmati pertumbuhan menggalakkan, keharmonian dan keamanan perusahaan negara perlu dikekalkan.

Menurutnya, sebarang pertikaian perusahaan akan mengancam daya saingan negara dan jika perkara itu berlaku, negara serta pekerja tetap akan rugi.

Oleh itu, kata Dr Mahathir, rakyat patut mempelajari pengalaman beberapa negara maju yang kesan daripada tindakan perusahaan tidak bertanggungjawab oleh pekerja mereka, kos pengeluaran mereka meningkat.

"Kesannya bukan saja hasil barangan keluaran mereka tidak boleh bersaing, tetapi prestasi eko-

pengangguran.

Selain itu, katanya, taraf hidup pekerja di Malaysia secara relatif adalah lebih tinggi dan baik berbanding pekerja di kebanyakan negara membangun, manakala inflasi yang rendah tidak mengurangkan daya pembelian mereka.

"Keadaan ini wujud kerana keseluruhannya ada persefahaman dan kerjasama erat di antara majikan, pekerja dan kerajaan.

"Persefahaman ini membantu mewujudkan keharmonian perusahaan yang bukan saja membolehkan kerajaan menumpukan usaha terhadap pembangunan ekonomi demi faedah rakyat, tetapi juga mendorong pelabur terutama dari luar negara melabur di negara ini," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia mempunyai lebih kurang 27 tahun saja untuk mencapai taraf negara maju dan matlamat itu hanya akan tercapai jika pekerja turut memainkan tanggungjawab yang berkesan.

"Selain menentukan suasana pelaburan negara sentiasa baik, pekerja juga perlu sentiasa berusaha meningkatkan kecakapan dan produktiviti supaya hasil barangan keluaran kita terus dapat bersaing di pasaran dunia," katanya.